




**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**ISNIN 27 OKTOBER 2025**

| <b>BIL</b> | <b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>                                                 | <b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>          |
|------------|-----------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------|
| 1.         | POTENSI REBUNG LIAR TEMBUSI PASARAN, EKONOMI, SINAR HARIAN, M/S - 23        | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 2.         | LADANG NANAS MD2 TARIKAN BAHARU PONTIAN, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 21   | LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)    |
| 3.         | TASTE OF TROPICAL PARADISE AT DESARU FRUIT FARM, NATIONAL, THE SUN, M/S – 6 | LAIN-LAIN                                      |
| 4.         | MEEERA SISWI BIDANG PERTANIAN MINAT SOLEKAN, K-KAMPUS, KOSMO, M/S – 18      |                                                |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



## EKONOMI

Rebung liar boleh dikembangkan tanpa memerlukan kawasan ladang khas kerana bekalananya boleh diperolehi terus dari hutan.

# Potensi rebung liar tembusi pasaran

Projek rintis di Muallim dapat permintaan menggalakkan

Lebaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yakin rebung liar mempunyai potensi untuk diperluas ke pasaran seluruh negara. Ia selepas projek rintis yang dijalankan di daerah Muallim sejak November tahun lalu mendapat permintaan menggalakkan daripada pengguna.

Pengerusi FAMA, Aminuddin Zulkipri berkata, dalam tempoh setahun projek itu dilaksanakan, sebanyak 15,583 kilogram (kg) rebung berjaya dipasarkan dengan nilai jualan RM46,749, sekali gus membuktikan

hasil hutan tersebut berpotensi tinggi untuk dikomersialkan.

"Kita bekerjasama dengan penduduk kampung Melayu tradisi dan Orang Asli untuk mendapatkan bekalan rebung liar."

"FAMA pula berperanan dalam proses pembungkusan dan pemasaran untuk ditetakkan di outlet FAMA sekitar daerah Muallim serta Batang Padang."

"Alhamdulillah, sambutan projek ini amat menggalakkan dan kita boleh memperluaskan pasaran rebung ini ke seluruh negara," katanya selepas menghadiri Majlis

Pemeteraian Kerjasama FAMA Bersama Rakan Strategik di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Gopeng di sini.

Menurut Aminuddin, permintaan menggalakkan terhadap produk tersebut membuktikan ia mampu dikembangkan tanpa memerlukan kawasan ladang khas kerana bekalananya boleh diperolehi terus dari hutan.

"Kejayaan projek di Muallim menjadi model kepada FAMA untuk memperluaskan pemasaran rebung, selain mewujudkan kluster pengeluaran di negeri lain menjelang awal tahun depan," katanya. - Bernama



Parit Jerman mula dikenali dengan produk buah tempatan

Oleh NOR AZURA MD AMIN  
PONTIAN

**D**ahulu hanya sebuah kampung dengan nama unik, kini Parit Jerman muncul sebagai 'permata emas' baharu, berkat ladang nanas MD2 yang bukan sekadar enak tetapi juga menjadi daya tarikan pelancongan luar biasa.

Projek Tanaman Nanas Berkelompok (PTNB) dimulakan kira-kira dua tahun lalu dengan varieti premium MD2 bukan sahaja membuka peluang ekonomi baharu, malah menjadi kaedah terbaik menarik minat golongan muda terlibat dalam pertanian moden.

Penaung projek, Mohammad Anal Talha, 52, berkata, PTNB kini menghimpunkan 26 peserta ladang berkelompok yang menanam nanas MD2 di lokasi seluas 30 hektar.

"Kami mahu menjadikan nanas sebagai 'kekayaan baharu' negara, seiring dengan durian musang king.

"Projek ini berjaya menarik penyertaan golongan muda kerana konsepnya lebih moden, bersepadu dan ada nilai tambah melalui agropelancongan," katanya.

Jelas beliau, sejak awal tahun lalu, ladang nanas di Kampung Parit Jerman mula menjadi tumpuan pelancong tempatan dan antara-bangsa dengan pelbagai aktiviti menarik disediakan bagi memberi pengalaman unik kepada pengunjung.

"Antaranya, mereka boleh menunggang kenderaan serba rupa bumi (ATV) mengelilingi ladang sambil menikmati pemandangan hijau menenangkan dan udara desa segar," jelasnya.

Menurut Mohammad Anal, pengunjung juga berpeluang memetik nanas MD2 yang masak ranum secara terus dari ladang.

"Satu pengalaman menarik kerana mereka boleh masuk ke kawasan ladang pertanian sebenar dan membawa pulang hasil tuai segar.

"Ladang nanas yang terurus rapi juga menjadi lokasi sempurna untuk bergambar, menjadikannya popular dalam kalangan mereka yang gemar berkongsi momen di media sosial," ujarnya.

Tambahnya, pelawat boleh mengikuti lawatan ke bengkel industri kecil dan sederhana (IKS) tempatan untuk melihat proses pembuat-

## Ladang nanas MD2 tarikan baharu Pontian



Mohammad Anal menunjukkan ladang nanas yang menjadi tarikan pengunjung.

an produk berasaskan nanas seperti tart dan dodol nanas.

"Di sini juga terdapat gerai makanan di ladang menawarkan menu berasaskan nanas termasuk nasi goreng nanas dan piza nanas.

"Jus nanas turut disediakan kerana ramai pengunjung mahu merasai keenakan jus nanas segar dari ladang," katanya.

Ujarnya, sejak dibuka, ladang nanas menerima pelawat daripada pelbagai negara termasuk Jerman, Perancis, Switzerland, Kenya dan Singapura.

"Sambutan sangat menggalakkan dengan kira-kira 500 pengunjung pada cuti hujung minggu, manakala musim cuti sekolah pula jumlah pengunjung meningkat hampir tiga kali ganda.

"Secara tidak langsung, ia menjadikan ladang Parit Jerman sebagai destinasi agropelancongan yang sesuai untuk semua peringkat usia," katanya.

Destinasi Sinar



Pengunjung boleh meninjau ladang nanas dengan menaiki ATV disediakan.



Mohammad Anal menunjukkan antara menu berasaskan nanas di Restoran Jermanpine.



## Taste of tropical paradise at Desaru Fruit Farm

**KOTA TINGGI:** Tucked away in the heart of Johor's coastal countryside lies a paradise for fruit lovers, the 32ha Desaru Fruit Farm, where the air is sweet with the scent of ripening fruit and the landscape bursts with colour.

From custard apples and breadfruit to cocoa and robust coffee, hundreds of trees stand heavy with fruit, some ripe and ready for picking. For visitors, it is not just a feast for the senses but also a chance to get closer to nature and discover the diversity of Malaysian tropical bounty.

The farm, which cultivates more

than 100 species of tropical fruit trees, has long been a magnet for agro-tourism enthusiasts and families seeking a taste of fresh produce straight from the orchard.

Tour guide Zaranah Yaakub delights in sharing stories about the many fruit varieties grown here and one that always intrigues visitors is the humble *ciku*, or sapodilla.

"The sapodilla tree produces a white latex that is actually used to make chewing gum," she explained to participants of the Majestic Johor Media Famtrip, held in conjunction with Visit Johor Year 2026.

"People often ask why not use latex from rubber trees. But rubber latex is toxic and hardens quickly, so it is not suitable for chewing gum," she said.

She added that *ciku* latex is edible and naturally sticky, the perfect base for gum-making, long before modern factories came along.

Foreign visitors tend to be drawn to the more exotic finds, such as the *monyet* banana, a small wild banana variety, or the vibrant passion fruit, both of which are rarely seen in their home countries.

"They are fascinated by local plants

that don't grow where they come from," said Zaranah.

"Some even tell us that fruits like jackfruit are much bigger in their countries."

Established more than three decades ago, the farm is also home to a mini zoo featuring 37 animal species, including goats, peacocks, camels, llamas and ducks.

"The petting zoo is especially lively during school holidays," said Zaranah.

"Parents bring their children to feed the animals and learn about their habits and habitats. It is both fun and educational."

Among the visitors was Mohd Azad Azmi, 38, who said the tour gave him a new appreciation for Malaysia's agricultural richness and the people who nurture it.

"I was most fascinated by the fruits," he said.

"The guide explained each species clearly, and I learned how farmers care for the trees to produce quality harvests."

For those planning a visit, the entrance fee is RM40 for adults and RM35 for children – a small price for a day in Malaysia's own tropical Eden.

– Bernama



## Personaliti Kampus

Oleh ZUBAIDAH IBRAHIM

**B**OLEH dikatakan, tidak ramai generasi muda pada hari ini berminat dalam bidang pertanian yang memerlukan mereka berpanas, berhujan dan bergelumang dengan tanah serta baja. Namun, tidak bagi Sharmeeera Rathakrishnan, 25, yang sangat meminati pertanian dan menjadikan bidang itu pilihan pertama pengajian di universiti.

Bagi Sharmeeera atau lebih mesra disapa Meeera, bidang pertanian sangat penting kerana ia merupakan asas kepada keselamatan makanan negara.

Menurut gadis yang kini merupakan pelajar tahun akhir ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian dengan Kepujian di Universiti Putra Malaysia (UPM) itu, sepanjang pengajian, dia didedahkan dengan pelbagai ilmu berkaitan pertanian.

Misalnya, pengurusan tanah, tanaman, haiwan, menganalisis sampel di makmal serta penggunaan teknologi moden dalam pertanian.

"Selain sesi di bilik kuliah, kami juga menjalankan kerja amali di lapangan. Contohnya, aktiviti di ladang universiti, kebun penyelidikan dan lawatan Industri bagi memahami aplikasi sebenar ilmu pertanian.

"Melalui bidang ini, kita dapat memahami bagaimana untuk menghasilkan makanan yang mencukupi, berkualiti dan lestari sambil menjaga alam sekitar serta kesejahteraan masyarakat luar bandar.

"Antara topik yang paling menarik bagi saya adalah pengurusan tanah, kesuburan tanaman serta penggunaan inovasi seperti biochar, baja organik dan teknologi pintar untuk pertanian moden," kata Meeera yang sangat meminati ilmu sains dan teknologi kepada *K-Kampus*.

Menariknya, gadis berasal dari Johor Bahru ini turut meminati bidang solekan dan sudah mencipta nama sebagai jurusolek (*makeup artist*) sejak tiga tahun lalu.

Kerja kerasnya itu membuahkan hasil apabila Meeera berjaya membuka premis pertamanya di dalam kampus UPM pada Februari lalu dengan sokongan Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM.

Meskipun bergerak dalam dua dunia berbeza, Meeera memastikan kecantikan dan pertanian mempunyai 'hubungan istimewa' dalam membentuknya menjadi insan berjaya pada masa hadapan.

"Ramai tak sangka pelajar pertanian boleh jadi jurusolek.

"Bagi saya, tak kira apa bidang, kita boleh kejar apa yang kita minat. Kecantikan itu adalah bakat yang boleh diasimilasikan dalam apa jua bidang.

"Pengajian dalam sains pertanian banyak membentuk saya dari segi ketelitian, kebersihan dan pemahaman saintifik yang turut penting dalam bidang solekan.

"Dalam pertanian, setiap proses dari penyediaan sampel hingga analisis memerlukan ketepatan, kekemasan dan disiplin yang tinggi.

"Nilai yang sama saya terapkan ketika menyolek klien. Setiap sentuhan perlu rapi, bersih serta tepat mengikut keperluan wajah mereka," ujar pemilik Avyannas Touch Artistry itu.



GADIS berasal dari Johor Bahru ini sangat meminati bidang pertanian dan menjadikannya pilihan pertama pengajian di UPM.



## Meeera siswi bidang pertanian minat solekan



MEEERA tidak menang tangan menerima tempahan solekan pada hujung minggu.

Tambah Meeera, latar belakang dalam sains memberinya pemahaman tentang bahan semula jadi, nutrien dan kesan kimia terhadap kulit.

Ini sekali gus menjadikan dia lebih peka dalam memilih produk yang selamat dan sesuai untuk setiap individu.

Mengulas lanjut mengenai kerjaya sambil sebagai jurusolek, Meeera memberitahu, dia mula tertarik dalam bidang solekan ketika tahun pertama di UPM apabila sering melihat video solekan di YouTube.

"Saya memang sukakan kecantikan dan sering melihat tutorial solekan di YouTube

pada masa lapang. Lama-kelamaan rasa 'cinta' itu semakin mendalam sehingga saya bertekad mendalami ilmu solekan dengan menghadiri kelas setiap kali cuti semester.

"Saya suka melihat transformasi selepas disolek, seseorang wanita itu nampak lebih cantik dan yakin. Lantas, menguatkan semangat saya untuk membantu para wanita," cerita anak bongsu daripada tiga beradik itu.

Meeera berterima kasih kepada kedua-dua ibu bapanya yang menyokong penuh minatnya dengan memberikan bantuan kewangan untuk membeli alat asas solekan ketika di awal penglibatan sebagai jurusolek sambilan.

Selain solekan, Meeera juga menyediakan perkhidmatan kemas pakaian perkahwinan, pengayaan rambut dan laminasi kening.

Besar harapannya untuk mengembangkan kerjaya sebagai jurusolek dan memiliki premis kecantikan berskala lebih besar selepas tamat belajar kelak.

"Saya mahu jadikannya sebagai kerjaya tetap dan mempunyai studio kecantikan lebih lengkap. Ia bukan hobi sementara tetapi ini adalah masa depan yang saya mahukan," tuturnya dengan penuh yakin.

MEEERA mahu menjadikan jurusolek sebagai kerjaya tetap dan mempunyai studio kecantikan yang lebih lengkap pada masa hadapan.

